

13/09/2003

Usaha ringankan beban ibu bapa

KUALA LUMPUR - Pelepasan cukai anak daripada RM800 kepada RM1,000 seorang yang dicadangkan pada Bajet 2004 dilihat satu usaha kerajaan bagi membantu ibu bapa dalam memberi kemudahan yang lebih baik kepada anak mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 itu berkata, pelepasan cukai berkenaan diharap dapat meringankan beban perbelanjaan bagi anak berikutan belanja membesar dan mendidik anak yang kian meningkat.

Pensyarah Ekonomi Keluarga Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Jariah Masud, berkata cadangan itu bukan saja dapat dimanfaatkan keluarga berpendapatan rendah, bahkan menggalakkan orang ramai untuk mempunyai bilangan anak yang ramai.

"Cadangan ini sangat dialu-alukan berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini dan saya kira sudah sampai masanya kerajaan menaikkan cukai pelepasan anak kerana sudah lama tiada perubahan. Dengan kos pendidikan, kesihatan dan penjagaan anak yang tinggi, pelepasan cukai itu sekurang-kurangnya dapat meringankan beban tanggungan ibu bapa terutama yang ramai anak.